

NO. SOALAN : 250

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA,

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
(PENAMPANG)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah betul ahli-ahli tentera yang bertugas di Sabah akan layak menjadi pengundi pada pilihan raya yang akan datang di kawasan kawalan mereka di Sabah.

JAWAPAN:

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sentiasa mengambil langkah proaktif bagi memastikan setiap anggotanya mendaftar sebagai pengundi di mana pasukan mereka ditempatkan.

Bagi anggota tentera yang ditugaskan dan ditempatkan dalam pasukan di negeri Sabah dan telah mendaftar sebagai pengundi bagi negeri tersebut, maka mereka adalah layak menjadi pengundi bagi kawasan Parlimen dan Negeri di Sabah.

Namun, bagi anggota tentera lain yang berdaftar sebagai pengundi di luar Sabah tetapi bertugas untuk tempoh sementara di kawasan Sabah, mereka akan mengundi mengikut kawasan pendaftaran mengundi masing-masing di mana mereka didaftarkan (di luar Sabah).